

Negara ‘Arabiyyah Sa‘ūdiyyah

(II)

Sebagai menyambung sejarah negara Arabiah Saudiah yang telah kita siarkan di dalam Majalah Qalam bilangan 200 yang lalu, inilah kita bawa para pembaca meninjau lebih lanjut tentang sejarah negara tersebut dari segi ekonomi, pembangunan dan pelajaran. – Pengarang.


Pengkajian Ekonomi

Ulasan-ulasan umum: Di sebahagian besar dari negara Arabiah Saudiah kehidupan bergantung kepada kawasan-kawasan tanah subur. Banyak kolam-kolam telah digunakan semata-mata oleh kaum pengembara untuk membekalkan air bagi binatang-binatangnya tetapi di beberapa tempat, istimewa di sebelah selatan, ada juga orang-orang bercucuk tanam sebagaimana yang terdapat di kawasan-kawasan tanah subur yang besar di Hijjaz. Keadaan-keadaan hidup

di Arabiah Saudiah adalah pada umumnya sukar dan orang-orangnya terpaksa bergantung sedikit kepada barang-barang yang dibawa dari luar – hasil dari orang-orang naik haji, perdagangan dengan perahu di Lautan Hindi atau perdagangan dengan Hindia Timur. Suatu perubahan besar dalam ekonomi sedang berlaku sekarang berikutan dengan penghasilan minyak, yang mana keuntungan daripadanya membawa perubahan besar kepada negara.

Pertanian: Pertanian berlaku

di sebahagian kecil sahaja dari negara itu, yang mana sebahagian terbesar daripadanya adalah padang pasir yang amat luas. Adalah ditaksirkan bahawa hanya 15 peratus sahaja daripada tanahnya yang subur dan lebih kurang satu peratus sahaja yang digunakan untuk bercucuk tanam. Hasil pertanian yang terutama yang diperolehi dari tanah yang diairkan dengan tali-tali air itu ialah gandum, sakoi dan jagung sedangkan



Sebuah di antara kapal terbang syarikat “Saudi Arabiah Airlines” sedang berlabuh di Lapangan Terbang Zahran.

berbagai jenis pokok buah-buahan, khususnya kurma, tumbuh dengan banyaknya di kawasan-kawasan yang subur.

~~Pekembangan-pekembangan pertanian Arabiah~~ Saudiah adalah pada pokoknya diasaskan pada penggunaan tanah-tanah yang dahulunya tidak pernah digunakan oleh kerana kekurangan bekalan air. Hujan terlalu sedikit dan tidak terdapat sungai-sungai besar untuk mengairkan tanah. Dalam beberapa tahun yang lampau suatu pengkajian telah dilakukan untuk mengesan air dalam tanah dan mengorek lubang untuk mendapatkan air itu serta membuat tali-tali air. Sekarang ini kerajaan Saudi membelanjakan berjuta-juta rial tiap-tiap tahun untuk mengubah padang-padang pasir menjadi tanah yang subur. Ini adalah suatu perjuangan yang amat sukar; air mestilah diperolehi untuk menjadikan tanah itu berguna untuk bercucuk tanam dan tanah yang telah subur itu pula mestilah dipelihara daripada pasir dan belalang-belalang yang datang berduyun-duyun dan membinasakan tanaman-tanaman.

Sebahagian besar daripada rancangan menggunakan tanah melibatkan pembinaan bendung-bendung, seperti Bendung Abha. Tujuannya ialah mengumpul dan membendung air hujan di tempat-tempat yang banyak mendapat hujan dan kemudiannya membahagikan air hujan yang terkumpul itu kepada daerah-daerah yang kering menerusi tali-tali air. Bendung Jizam¹ akan dibina dengan perbelanjaan sebanyak 18 juta riyal dan apabila siap kelak 50,000 ekar tanah lagi akan dapat diairakan.

Kementerian Pertanian membahagikan benih-benih kepada petani-petani dan telah membuat


persiapan untuk membahagikan kepada mereka baja, racun pemupus dan nasihat bila-bila dikehendaki. Perbelanjaan kementerian itu telah meningkat naik daripada 20 juta riyal dalam tahun 1959 kepada lebih daripada 43 juta riyal dalam tahun 1963.

Kekayaan Minyak: Emas hitam (minyak) ialah hasil galian yang utama dan merupakan tiang yang kuat sekali bagi ekonomi Saudi Arabiah. Kisah bagaimana negara itu telah memperoleh kekayaan ini adalah sangat menarik perhatian. Dalam tahun 1923, Raja Ibn Saud menerima bayaran tahunan yang amat kecil, iaitu £2,000 daripada syarikat-syarikat minyak British kerana memberi hak sepenuhnya kepada mereka untuk mencari minyak di negara itu. Hak itu kemudiannya telah ditarik balik, dan dalam tahun 1933, berikutan dengan peristiwa menemui minyak di Bahrain, kerajaan Arabiah Saudiah telah memberi hak kepada sebuah syarikat Amerika, iaitu Standard Oil Company, untuk mencari minyak di sana dengan bayaran £50,000. Kemudiannya syarikat itu telah menubuhkan sebuah syarikat untuk mencari dan menggali minyak di sana yang mana namanya telah ditukar pada awal tahun 1944 dengan Arabian America Oil Company (ARAMCO). Syarikat tersebut telah mulai mencari minyak dalam tahun 1933 dan mulai mengorek lubang-lubang untuk mendapatkan minyak dalam tahun 1935. Ia telah menjumpai minyak yang cukup banyak untuk perdagangan dalam tahun 1938 dan dalam tahun yang berikutan banyaknya minyak yang didapati ialah kira-kira satu juta tan

setahun, yang mana membawa hasil pendapatan sebanyak satu juta paun setahun. Perang dunia kedua telah membataskan perusahaan mencari minyak itu. Dalam tahun 1947-48 hasil pendapatan kerajaan ialah 21 juta setengah paun, termasuk £14 juta daripada minyak. Anggaran hasil pendapatan bagi tahun 1951 ialah £49 juta, termasuk £18 juta daripada minyak dan £16 juta daripada cukai pendapatan. Suatu perjanjian baharu yang dibuat dalam bulan Disember tahun 1950 di antara kerajaan dengan ARAMCO menetapkan bahawa syarikat itu mesti membayar cukai pendapatan, yang mana apabila dicampurkan dengan bayaran dari minyak yang diperolehi oleh syarikat itu serta lain-lain bayaran kepada kerajaan, akan berjumlah 50% daripada hasil pendapatan bersih negara itu. Dalam bulan Mac 1963 syarikat tersebut telah bersetuju membayar 100 juta ringgit kerana bayaran-bayaran yang belum dijelaskan dan mengembalikan 64 peratus daripada kawasan yang telah diberi hak di dalamnya sebagai penyelesaian pertikaian-pertikaian yang telah berlaku sekian lama itu di antaranya dengan kerajaan Saudiah Arabiah.

Pada akhir tahun 1961, jumlah minyak yang sedia ada bagi ARAMCO adalah dianggarkan sebanyak 47.7 tong. Minyak yang didapati sekarang datangnya dari 196 perigi minyak di enam buah kawasan minyak – di Dammam, Katif, Safaniya, Abqaiq, Khursaniyah dan Ghawar. Ghawar ialah lebih daripada 150 batu panjangnya dan ia adalah satu daripada telaga minyak yang paling besar di dunia; penyelidikan-penyelidikan telah menunjukkan

¹ Perkataan yang sebenarnya ialah Jizan



Sebuah empangan air di wadi Akramah. Dengan adanya empangan air ini beribu-ribu ekar tanah di dalam kawasan wadi Akramah yang berasal daripada padang pasir yang kering tandus itu menjadi sebuah kawasan perkebunan subur menghijau.

bahawa minyak yang sedia ada di tempat itu adalah sama banyaknya dengan minyak yang terdapat di seluruh Amerika Syarikat. Dalam tahun 1960 pengeluaran minyak di Ghawar bagi tiap-tiap hari pada hitung panjangnya ialah 714,257 tong. Dalam tahun 1957 sebatang paip minyak 22 inci besar dan 137 batu panjang dari Safaniya ke Ra's Tannurah telah siap dibina dan ini membolehkan pengeluaran minyak dimulakan di telaga minyak Safaniya yang jauh dari pantai itu. Sebatang paip minyak, 30 inci besar dan 62 batu panjang, dari Khursaniyah ke Ra's Tannurah di daerah teluk telah siap dibina dalam tahun 1960.

Suatu sistem paip minyak 30/31 inci besar, 1068 batu

panjang, membawa minyak dari telaga-telaga minyak ARAMCO ke pelabuhan Sidon, Lebanon. 754 batu daripada paip ini diselenggarakan oleh Trans-Arabiah Pipeline Company (Tapline) dan bahagian yang lainnya itu diselenggarakan oleh ARAMCO. Sistem ini memakan belanja lebih daripada \$200 juta untuk membinanya dan telah dibuka dalam tahun 1950. Selain dari ARAMCO, Getty Oil Company juga mencari dan menggali minyak. Dalam tahun 1949, kerajaan Saudiah Arabiah telah memberikan syarikat itu hak mencari dan menggali minyak selama 60 tahun, meliputi separuh bahagian bahagian yang dipunyai itu, di kawasan neutral Saudiah Arabiah – Kuwait.

Syarikat American Independent Oil Company (meliputi separuh bahagian yang dipunyai oleh Kuwait) ialah syarikat yang menyelenggarakan kerja mencari dan menggali minyak itu dan ia telah mencapai minyak yang cukup banyak untuk perdagangan dalam tahun 1933. Minyak yang boleh didapati ditaksirkan sebanyak 6,500 juta tong. Yang pertama sekali minyak dihantar dengan kapal ialah dalam tahun 1954 dan jumlah pengeluaran bagi tahun 1961 ialah 8.2 juta tan. Kerajaan menerima bayaran 55 sen bagi tiap-tiap tong dengan bayaran tahunan yang paling rendah sekali sebanyak \$1,000,000. Syarikat-syarikat Jepun, yang mendapatkan hak mencari (bersambung)